



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	17/1/2020	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

JPNPk tahan 69 individu tahun lepas

IPOH - Seramai 69 individu ditahan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) berhubung pelbagai kesalahan hutan di negeri itu sepanjang tahun lepas.

JPNPk dalam satu kenyataan berkata, tangkapan itu melibatkan individu dan kumpulan yang telah dikenal pasti melakukan kesalahan hutan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 seperti menjalankan aktiviti di dalam hutan simpanan kekal (HSK) tanpa kebenaran, memasuki HSK tanpa kebenaran dan membawa hasil hutan tanpa pas pemindah.

“Sehingga November 2019, sebanyak 56 kes kesalahan hutan berjaya dikesan dan diambil tindakan lanjut di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

“JPNPk telah membuat kutipan bayaran kesalahan hutan melalui kompaun dan ganti rugi kesalahan hutan melebihi RM1 juta,” kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, sebanyak lapan kes kesalahan hutan juga telah dituduh di Mahkamah Sesyen Jenayah (1) Ipoh, Mahkamah Sesyen Teluk Intan, Mahkamah Sesyen Kua-

la Kangsar dan Mahkamah Sesyen Taiping.

Katanya, jumlah keseluruhan denda yang dikenakan oleh mahkamah bagi lapan kes kesalahan hutan tersebut adalah sebanyak RM72,000.

JPNPk telah melaksanakan sembilan Operasi Penguatkuasaan Hutan Bersepadu yang melibatkan pelbagai jabatan dan agensi penguatkuasaan negeri termasuk Polis Diraja Malaysia, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Jabatan Pengangkutan Jalan, Agensi Antidadah Kebangsaan serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sepanjang tahun lalu.

“Selain Operasi Penguatkuasaan Bersepadu, JPNPk sentiasa menjalankan pemantauan dan rondaan bagi kawasan-kawa-

san HSK dan kawasan panas selain menggunakan teknologi Sistem Electronic Geospatial Perhutanan (e-GP) bagi memantau perubahan kepada dirian hutan dan sebarang aktiviti pencerobohan hutan.

“Jabatan juga menggunakan dron bagi tujuan pengesanan dan pemantauan kes-kes kesalahan hutan dan pembalakan haram,” menurut kenyataan itu lagi. - Bernama

JPNPk telah membuat kutipan bayaran kesalahan hutan melalui kompaun dan ganti rugi kesalahan hutan melebihi RM1 juta.”

- Jabatan Perhutanan Negeri Perak